

Operasi nyah pendatang haram

UM 26 JAN 2002

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
dan ZAINUL AZHAR ASHARI

MELAKA 25 Jan. — Kerajaan akan melancarkan operasi besar-besaran untuk menghantar pulang pekerja tanpa izin Indonesia setelah keputusan untuk menghentikan sementara pengambilan mereka adalah muktaamad.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, operasi itu termasuklah menangkap pekerja-pekerja haram ini di restoran-restoran seluruh negara.

Katanya, kerajaan tetap tidak akan mengubah keputusan menghentikan pengambilan itu walaupun mendapat rayuan daripada pemerintah republik itu.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat kerana kerajaan berpendapat pekerja negara berkenaan sudah ramai di negara ini dan mencukupi.

"Kita tidak perlu lagi (pekerja Indonesia), kita sudah ada cukup pekerja bahkan lebih daripada cukup, jadi kita tak perlu yang datang ke sini mencerooboh macam semalam (polis) tangkap 99 orang (pendatang tanpa izin Indonesia di Pulau Ketam) tak ada dokumen (perjalanan) nak mencerooboh, masuk ke sini cari kerja," katanya.

Lawatan

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia ke-20 di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Abdul Halil Abdul Mutalib.

Dr. Mahathir diminta mengulas hasrat Naib Presiden Indonesia, Hamzah Haz yang bercadang untuk melakukan lawatan ke Malaysia dan menemui beliau bagi membincangkan isu tenaga kerja negara republik tersebut.

Perdana Menteri berkata, ketika ini Malaysia sudah mempunyai cukup pekerja Indonesia yang memiliki permit kerja yang sah.

Oleh itu, tegas beliau, negara tidak perlu lagi menerima pekerja baru dari Indonesia.

"Kita tak perlu terlalu ramai (pekerja Indonesia) apa dia hendak buat (kerja) di

■ Lihat muka 4

Operasi nyah pendatang haram

sini...(sudah tiada (peluang) kerja," katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, operasi menahan pendatang tanpa izin Indonesia walaupun akan dilakukan secara besar-besaran tetapi berperingkat-peringkat memandangkan jumlah mereka di negara ini ramai.

"Yang mana tak ada permit kerja kita akan hantar balik, (operasi) secara besar-besaran juga la...tetapi dia ramai kita kena buat sedikit demi sedikit," katanya.

Selain itu, tegas Perdana Menteri, kerajaan juga tidak akan melaksanakan lagi operasi pemutihan bagi memberi peluang kepada pendatang asing termasuk pendatang tanpa izin untuk mendaftarkan diri.

Ini kerana menurut Dr. Mahathir tindakan berkenaan tidak menyelesaikan masalah.

"Mereka percaya mereka datang ke sini mereka akan diputihkan sebab itu kita tak boleh benarkan lagi pekerja Indonesia kerana mereka terlalu dekat, dia cuma (perlu) menyeberang Selat Melaka (untuk) sampai (ke Malaysia)," katanya.